

30/03/1998

PM berlepas ke London hadiri Asem

KUALA LUMPUR, Ahad - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke London malam ini untuk menyertai pemimpin lain Asia dan Kesatuan Eropah (EU) pada Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) yang bermula Jumaat ini.

Mesyuarat tiga hari itu akan dihadiri 15 anggota EU, China, Jepun, Korea Selatan dan semua negara anggota Asean kecuali Myanmar dan Laos.

Dr Mahathir diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Turut berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah Subang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir dan isteri ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Penerangan Datuk Seri Mohamed Rahmat, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Tajol Rosli Ghazali dan beberapa pegawai kanan kerajaan.

Mesyuarat kali ini ialah yang kedua bagi Asem. Mesyuarat pertamanya diadakan di Bangkok pada 1996.

Asean berharap dapat menggesa penubuhan tabung perdagangan dan pelaburan Asia-Eropah bagi memperbaharui keyakinan di kalangan masyarakat Eropah terhadap ekonomi rantau ini.

(END)